



BERITA

EDISI KEENAM | 06
2020

PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

NOVEMBER - DISEMBER 2020 | ١٤٤٢ هـ - جمادى الأولى

Selamat Datang

DATUK BANDAR

Majlis

AMANAT

DATUK BANDAR
PASIR GUDANG

Majlis
PENYERAHAN WATIKAH PENGISYTIHARAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

DISEMPURNAKAN OLEH:
YAB DATUK HAJI HASNI BIN MOHAMMAD
MENTERI BERNENGER JOHOR



MAJLIS PENYERAHAN
WATIKAH PENGISYTIHARAN
MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

9 Kunjungan Hormat
Pengaruh SPRM Negeri Johor

15 Majlis Pelancaran Gerobok Prihatin
Dan Qaseh Umni Pasir Gudang

17 Pertandingan Tilawah
Al-Quran 2020

ISI KANDUNGAN

- 3 Amanat Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 4-7 EDISI KHAS : Majlis Bandaraya Pasir Gudang.
- 8 Kursus Orientasi Kepada Pekerja Baharu Siri 1 2020 Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- 9 Kunjungan Hormat Pengarah SPRM Negeri Johor Sempena Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Johor.
- 10-11 Lensa MBPG November-Disember 2020.
- 12 Pertandingan Fotografi Dan Video Pendek Pelancongan Pasir Gudang.
- 13 Kunjungan Hormat Dan Pantau Tegur Bahasa Oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS).
Kursus Etiket Dan Protokol Anggota MBPG.
- 14 Gotong Royong Perdana Eksa Siri 1 2020.
Bengkel Semakan Dokumentasi Iso 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti.
- 15 Majlis Pelancaran Gerobok Prihatin Dan Qaseh Ummi Pasir Gudang.
- 16 Program Kepok Rezeki.
- 17 Pertandingan Tilawah Al-Quran.
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang.
- 20 LAMAN INFO : *Pertandingan Fotografi & Video Pendek Pelancongan Pasir Gudang 2020.*



AJK SIDANG REDAKSI

2020

PENASIHAT

Tuan Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar MBPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap
Setiausaha MBPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Puan Haslina binti Hassan
Ketua Unit Korporat & Perhubungan Awam

PENGARANG

Encik Nik Masri bin Moharani
Pegawai Tadbir MBPG

PEMBERITA

Encik Basar bin Kallil
Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MBPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Datuk Bandar	Tuan Asman Shah bin Abd Rahman	07-254 7701
Setiausaha	Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Dr. Haji Mohamed Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustafa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Nur Salihin bin Salahuddin	07-254 7714
Ketua Jabatan Penguatkuasaan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahamah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Ketua Unit Korporat & Perhubungan Awam	Haslina binti Hassan	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehati	Kassim bin Mohamed Yusof	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872

PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MBPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Muhammad Ismat bin Salleh	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MBPG hubungi kami melalui saluran di bawah :

☎ 07-254 7777

✉ mbpg@johor.gov.my

☎ 013-377 1710

💻 MBPG : SISPPA
mbpg.spab.gov.my

🖨 07-251 5260

📍 Majlis Bandaraya Pasir Gudang

“

*Selamat Datang***DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG**”

”



AMANAT DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG telah menerima Datuk Bandar pertama yang telah dilantik pada 22 November 2020. Tuan Asman Shah bin Abd Rahman telah menyampaikan amanat beliau yang pertama sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang sebaik sahaja menyandang jawatan tersebut. Justeru pada tanggal 23 November yang lalu, beliau buat kali pertama telah memberi ucapan kepada Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian/Unit serta warga kerja MBPG.

Antara intipati ucapan beliau ialah memberi penekanan kepada Pasir Gudang sebagai Bandaraya Perindustrian dan Pelabuhan. Perkembangan revolusi perindustrian haruslah seiring dengan perkembangan teknologi dan pembangunan ekonomi. Selain itu, beliau juga turut mengingatkan peranan dan tanggungjawab warga kerja dalam menjalankan tugas dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Dalam ucapan beliau, Datuk Bandar turut berpesan tiga cabaran besar utama pada masa kini ialah kesihatan, ekonomi dan politik, lebih-lebih lagi apabila dunia masih lagi bergelut penularan pandemik Covid 19 yang masih belum tamat.

Semoga dengan kepimpinan baru di bawah pentadbiran Datuk Bandar pertama Majlis Bandaraya Pasir Gudang ini akan terus cemerlang dan mencapai visi dalam menjadikan Pasir Gudang Bandar Pintar dan Rendah Karbon menjelang 2025.





EDISI KHAS

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

DISEMPURNAKAN OLEH:
YAB DATUK HAJI HASNI BIN MOHAMMAD
MENTERI BESAR JOHOR



Sesi Penyerahan Watikah Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang oleh YAB Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor pada 22 November 2020.



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PENGISYTIHARAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG melakar satu lagi sejarah apabila telah menerima watikah pengisytiharan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) pada 22 November yang lalu bertempat di Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor.

Watikah pengisytiharan telah disampaikan oleh Menteri Besar Johor, Yang Amat Berhormat Datuk Ir. Haji Hasni bin Mohammad kepada Datuk Bandar Pasir Gudang, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Turut hadir dalam majlis ini, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Datuk Azmi bin Rohani, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Tuan Haji Ayub bin Jamil, Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani serta Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian dan Unit.

MBPG merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) ketiga dinaik taraf sebagai bandaraya selepas Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) pada 1994 dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) pada 2017. “Kepesatan pembangunan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar industri dan pelabuhan dengan memiliki dua pelabuhan bertaraf antarabangsa dan kemudahan prasarana menyeluruh yang mengutamakan kesejahteraan rakyat serta lengkap memenuhi syarat keperluannya, maka adalah wajar Pasir Gudang mendapat pengiktirafan dan status sebagai sebuah bandar raya,” kata Menteri Besar Johor dalam ucapan beliau.

Tuan Asman Shah bin Abd Rahman telah dilantik sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang yang pertama. Dalam ucapan pertamanya sebagai Datuk Bandar, beliau akan memberikan fokus untuk menjadikan Pasir Gudang sebagai sebuah bandar industri yang selamat dan lestari untuk didiami penduduknya. Selain itu beliau turut akan memberikan tumpuan kepada aspek kemasyarakatan.





MAJLIS PENYERAHAN TUGAS MANTAN YANG DIPERTUA KEPADA DATUK BANDAR

30 NOVEMBER 2020

BULAN NOVEMBER 2020 mencatat sejarah di Pasir Gudang apabila Majlis Perbandaran Pasir Gudang telah dinaiktaraf menjadi Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Majlis penyerahan nota serahan tugas, mantan Yang Dipertua Tuan Haji Zainor bin Adani kepada Datuk Bandar Pasir Gudang telah diadakan pada 30 November 2020 bertempat di Aras 20, Menara Aqabah. Kedua dua turut menandatangani nota serahan tugas. Mantan Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani turut merakam waktu bertugas sebagai Yang Dipertua yang terakhir di MPPG sambil disaksikan oleh Ketua-Ketua Jabatan/Bahagian dan Unit.





PROFIL

DATUK BANDAR PASIR GUDANG TUAN ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN

TUAN ASMAN SHAH BIN ABD RAHMAN dilahirkan pada 12 Februari 1966 dan berasal dari Kampung Bendahara, Johor Bahru. Berkelulusan Sarjana Muda Ekonomi dan Undang-undang dari Universiti of Chiba, Jepun. Memulakan karier beliau sebagai penjawat awam pada tahun 1995 dengan menggalas jawatan sebagai Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPEN) kini dikenali dengan nama Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPEN Johor) selama 5 tahun, kemudiannya sebagai Pengarah Jabatan Pelancongan Negeri Johor, seterusnya berpindah ke Pejabat Daerah Muar selama setahun dan selepas itu ditugaskan ke Pejabat Tanah Kluang selama hampir 3 tahun.

Beliau kembali semula ke pejabat BPEN Johor sebagai Ketua Penolong Pengarah dan menubuhkan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti (JBitech) Negeri Johor dan menjawat jawatan sebagai pengurus JBitech. Seterusnya beliau kembali sekali lagi ke Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan menjenamakan semula jabatan itu sebagai Tourism Johor. Beliau kembali semula ke pejabat JBitech dan menggalas jawatan selaku Pengarah JBitech selama hampir setahun. Posisi beliau yang terakhir adalah sebagai Pegawai Daerah Mersing sebelum diberi tanggungjawab menggalas tugas sebagai Datuk Bandar Pasir Gudang yang pertama pada 22 November 2020.

Datuk Bandar merupakan seorang pemimpin yang suka bekerja dan melihat pelbagai peluang yang boleh diolah dan boleh dilaksanakan di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Antaranya pendigitalan sistem kerja, cara bekerja yang efisien serta menjimatkan masa dengan menggunakan sistem teknologi terkini. Pencapaian cemerlang MBPG bukan sekadar kejayaan sebagai PBT, namun beliau mempunyai visi dan misi dalam mencapai kecemerlangan yang lebih meluas dengan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, *stakeholder* dan industri.

Seorang yang meminati aktiviti yang ekstrem dan lasak seperti menyelam, berbasikal, *jungle trekking* dan berkhemah. “Bukan mudah nak senang” merupakan moto kerja yang dipegang oleh beliau di mana beliau percaya segala usaha yang gigih, tanpa mengenal erti putus asa dan usaha yang berterusan mampu melahirkan satu kejayaan yang membanggakan.

Semoga era pentadbiran beliau dalam memacu Majlis Bandaraya Pasir Gudang akan menjadikan MBPG sebuah PBT yang cemerlang dalam memberikan Perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan *stake holder*.

SELAMAT DATANG DATUK BANDAR PASIR GUDANG !

KURSUS ORIENTASI **KEPADA PEKERJA BAHARU SIRI 1 2020**

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (KINI MBPG) telah mengadakan kursus Orientasi kepada warga kerja baharu Siri 1 2020 bertempat di Tanjung Puteri Golf Resort. Program yang diadakan selama dua hari pada 4 dan 5 November ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada warga kerja baharu yang dilantik.

Sebanyak enam slot taklimat telah disampaikan sepanjang dua hari kursus ini berlangsung. Antaranya 'Taklimat *Ice Breaking*' disampaikan oleh Tuan Haji Zainor bin Adani dan 'Kenali Budaya Kerja Organisasi' telah disampaikan oleh Tuan Haji Adnan bin Abd Gahni.

Manakala pada hari kedua pula 'Taklimat Penjawat Awam dan Bimbingan Kaunseling' telah disampaikan oleh Encik Mohd Ezzuddin bin Sanusi, Ketua Unit Audit Dalaman, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, seterusnya taklimat mengenai 'Dasar dan Peratusan Kewangan, Elaun serta kemudahan di MPPG' yang disampaikan oleh Puan Mariaton binti Ibrahim. Taklimat terakhir telah disampaikan oleh Ustaz Syafiee bin Abd Rahman dalam penghayatan kerohanian yang bertajuk 'Keutamaan Syariat dalam Kerjaya Maslahat Dunia Akhirat'. Majlis Ikrar Penjawat Awam juga diadakan oleh kesemua warga kerja baharu MPPG. Majlis ikrar turut disaksikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Setiausaha serta Ketua-Ketua Jabatan.



Aktiviti dan taklimat 'ice breaking' kenali diri anda telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani.



Majlis lafaz ikrar penjawat awam telah dilaksanakan oleh semua lantikan warga kerja baharu MPPG.





KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH SPRM NEGERI JOHOR SEMPENA HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA PERINGKAT NEGERI JOHOR

**“PBT PERANGI
PEMBERI RASUAH”**

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG begitu berbesar hati kerana menerima kunjungan hormat dari Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Johor, Yang Berbahagia Dato’ Haji Azmi bin Haji Alias. Kunjungan yang diadakan pada 9 Disember lalu adalah bersempena dengan sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat Negeri Johor. Hadir sama dalam kunjungan hormat ini ialah Encik Mohd Ezzuddin bin Sanusi, Ketua Unit Audit Dalaman, Pejabat Setiausaha serta Encik Rosdi bin Amir Pengerusi Yayasan Anti Rasuah Malaysia Negeri Johor serta Tuan Haji Hakim bin Abd Manap, Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Dalam majlis yang sama juga, Datuk Bandar Pasir Gudang turut menandatangani ikrar janji warga PBT Perangi Pemberi Rasuah. Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) Tahun 2020.



Datuk Bandar Pasir Gudang bersama Yang Berbahagia Dato’ Haji Azmi bin Haji Alias selepas menandatangani Ikrar Janji Warga PBT Perangi Pemberi Rasuah.





LENSA MBPG

NOVEMBER & DISEMBER
2020



**HARI PERTAMA DATUK BANDAR PASIR GUDANG
(22/11/2020)**



**LAWATAN TAPAK DATUK BANDAR PASIR GUDANG
(26/11/2020)**



**PERJUMPAAN DATUK BANDAR BERSAMA YB PARLIMEN
PASIR GUDANG DAN YB ADUN JOHOR JAYA
(12/12/2020)**





**KUNJUNGAN PENGARAH
JABATAN ALAM SEKITAR KE
PEJABAT DATUK BANDAR
(7/12/2020)**



**LAWATAN DATUK BANDAR KE KAMPUNG KUALA MASAI
(24/12/2020)**



**LAWATAN MAJLIS BELIA NEGERI JOHOR KE MBPG
(24/12/2020)**



PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK *Pelancongan Pasis Gudang*



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (KINI MBPG) melalui Unit Pelancongan, Jabatan Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan Pertandingan Fotografi dan Video Pendek Pelancongan Pasis Gudang. Pertandingan ini dijalankan bermula 1 November hingga 20 Disember 2020 dan terbuka kepada orang ramai. Antara objektif penganjurannya ialah bagi mempromosikan kawasan pelancongan yang menarik di Pasis Gudang, mendapatkan gambar-gambar menarik bagi digunakan sebagai bahan promosi pelancongan di Pasis Gudang serta mencungkil bakat warga Pasis Gudang dalam seni fotografi dan video pendek.

Pihak penganjur telah melantik 3 orang juri untuk membuat penjurian bagi pertandingan ini. Selain itu, cabutan bertuah turut diadakan bagi memeriahkan serta menghargai daya usaha peserta dan sebanyak 22 hadiah cabutan telah disediakan oleh penganjur. Berikut adalah senarai pemenang bagi Pertandingan Fotografi dan Video Pendek Pelancongan Pasis Gudang :

Pemenang kategori Fotografi :

Johan	: Mohd Nasir bin Ismail
Naib Johan	: Aiman Haziq bin Abdul Jabar
Ketiga	: Azmerizal bin Azeman
Keempat	: Redhuan bin Zulkipli
Kelima	: Noorhati binti Abd Kadir
Keenam	: Rahayu binti Samsudin
Ketujuh	: Axfar Hanis binti Hashim

Pemenang kategori Video Pendek :

Johan	: Mohd Azmi bin Selamat
Naib Johan	: Nor Afizah binti Jalil, Nurul Asmar binti Azhan & Saadon bin Zainal
Ketiga	: Ruziana binti Kliwon
Keempat	: Muhammad Firdaus bin Kamaluzaman & Ahmad Basyir bin AB Fatar
Kelima	: Muhammad Izzuddin bin Arrifin
Keenam	: Muhamad Eaddy Nor Ali bin Abdul Hanan
Ketujuh	: Mohd Rizanizam bin Rozlan


Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pemenang.

GAMBAR-GAMBAR PEMENANG KATEGORI FOTOGRAFI




JOHAN

NAIB JOHAN



KETIGA

KEEMPAT



KELIMA

KEENAM



KETUJUH

KELAPAN

KUNJUNGAN HORMAT DAN PANTAU TEGUR BAHASA OLEH DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA WILAYAH SELATAN (DBPWS)



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG telah menerima kunjungan hormat dari Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Selatan (DBPWS) pada 2 Disember yang lalu. Kunjungan seramai lima orang delegasi ini diketuai oleh Puan Norhafizah binti Mohamed Husin, Pengarah DBPWS. Tujuan kunjungan adalah bagi mengenalpasti dan memantau Penggunaan bahasa yang betul dalam menyediakan papan tanda premis, bunting, iklan dan sebagainya.

Antara tempat yang dilawati oleh delegasi ialah premis sekitar Taman Bukit Dahlia, Premis di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang, Menara Aqabah serta Taman Bandar Bukit Layang-Layang.



KURSUS ETIKET DAN PROTOKOL ANGGOTA MBPG

UNIT LATIHAN MBPG dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Johor telah menganjurkan Kursus Etiket dan Protokol pada 30 Disember yang lalu bertempat di Tanjung Puteri Golf Resort. Kursus ini telah dihadiri seramai 30 orang peserta dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Hadir sama dalam majlis ini, Puan Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Tuan Haji Adnan bin Abd Gahni, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG serta pegawai-pegawai MBPG.

Taklimat telah disampaikan oleh wakil dari Jabatan Diraja Negeri Johor Encik Rohaizat bin Sumain dan Encik Mohd Fairus bin Aziz. Antara pengisian kursus ini ialah memberi pendedahan dan pengetahuan kepada para peserta mengenai kepentingan etiket dan protokol di dalam mengendalikan sesuatu majlis, menggarap kemahiran dan pengetahuan asas, memberikan pengalaman serta memberi keyakinan kepada para peserta untuk berhadapan dengan sesuatu majlis.



GOTONG ROYONG PERDANA EKSA SIRI 1 2020



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG (KINI MBPG) telah mengadakan Program Gotong-Royong Perdana EKSA Siri 1 2020 pada 8 November yang lalu. Program ini dianjurkan bagi persiapan menghadapi audit EKSA dan memperbaharui sijil EKSA MPPG (kini MBPG) yang telah tamat pada Mei 2020.

Program ini melibatkan 24 buah zon di bawah pentadbiran MBPG di mana lokasinya di dalam bangunan Menara Aqabah dan bangunan luar milik MBPG seperti Perpustakaan Awam, Stadium Perbandaran Pasir Gudang, Stadium Bola Sepak, dewan-dewan milik MBPG, Muzium Layang-Layang serta bangunan-bangunan lain. Selain membersihkan kawasan pejabat dan ruang kerja, aktiviti lain turut diadakan seperti mengecat dan menceriakan ruang pejabat, program jualan kitar semula, serta aktiviti mengemas stor pekakasan, zon yang terlibat. Gotong-royong tamat pada jam 5.00 petang.



BENGGKEL SEMAKAN DOKUMENTASI ISO 9001:2015 SISTEM PENGURUSAN KUALITI

BENGGKEL INI telah diadakan pada 14 Disember 2020 yang lalu bertempat di Bilik Latihan Aras 4, Menara Aqabah dan telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Bengkel ini diadakan bagi mempersiapkan MBPG dalam menghadapi audit persijilan semula ISO 9001:2015 yang dijadualkan pada awal tahun 2021.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri dari semua wakil jabatan/bahagian dan unit telah menghadiri bengkel tersebut. Taklimat program telah disampaikan oleh Puan Fauzan binti Mat Ishah, konsultan Management System Standards Section SIRIM STS Sdn. Bhd.





Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang, Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

Majlis Pelancaran GEROBOK PRIHATIN DAN QASEH UMMI PASIR GUDANG



MAJLIS PELANCARAN GEROBOK PRIHATIN DAN QASEH UMMI telah diadakan pada 4 Disember yang lalu bertempat di Dewan Taman Air Biru dan telah dirasmikan oleh Tuan Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar Pasir Gudang. Hadir sama dalam majlis ini, Tuan Haji Baharuddin bin Mohamed Taib, Ketua Whip Ahli Majlis MBPG, Ahli-Ahli Majlis MBPG serta ketua-ketua jabatan/unit dan bahagian.

Program Gerobok Prihatin ini merupakan satu bentuk bantuan kepada golongan sasaran yang disalurkan melalui 24 buah zon di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Golongan yang diberi perhatian bagi program gerobok prihatin ialah seperti Qaseh Ummi yang merujuk kepada ibu-ibu tunggal, golongan B40 dan M40 yang terjejas akibat pandemik Covid-19. Antara objektif program ini dianjurkan adalah bagi membantu golongan yang benar-benar memerlukan bagi menerima bantuan yang sewajarnya juga bantuan dapat diselaraskan dan program ini dapat mendekatkan lagi masyarakat melalui Ahli Majlis yang menjadi penghubung mengenai dasar-dasar kerajaan dengan orang awam.

Dana kewangan bagi program ini adalah berjumlah RM500.00 setiap bulan selama satu tahun dan diberikan kepada 24 buah zon pentadbiran di bawah Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Selain bantuan kewangan untuk pembelian barangan dapur dan keperluan, program ini juga turut mengalukan sumbangan daripada pihak luar, penduduk atau NGO bagi sebarang pemberian keperluan.

Setiap zon juga perlu menyediakan satu tempat menyimpan barangan Gerobok Prihatin Masyarakat yang menempatkan semua barangan keperluan yang telah dibeli dan dikumpulkan. Pemohon yang ingin memohon bantuan juga perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Semoga pelaksanaan program ini dapat mencapai matlamat dan objektif yang diharapkan disamping dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Program Kepok Rezeki

PROGRAM KEPOK REZEKI merupakan program anjuran Puspanita Cawangan Negeri Johor dengan kerjasama Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang dan telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang, Tuan Asman Shah bin Abd Rahman. Hadir sama dalam majlis ini, Datin Dr. Hajah Noor Azizah binti Abdul Latif, Pengerusi Puspanita Negeri Johor, Puan Halimah binti Mohamed Rasip, Pengerusi Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang serta ahli-ahli Puspanita MBPG.

Program ini bertujuan memberi sumbangan berbentuk barangan keperluan asas dapur dan makanan kering kepada 138 buah keluarga di Pasir Gudang. Bantuan yang diberikan serba sedikit mampu menolong mereka yang memerlukan bantuan ketika dilanda musibah atau bencana.

Majlis berakhir dengan sesi penyampaian sijil lantikan Ahli Jawatankuasa Puspanita Majlis Bandaraya Pasir Gudang oleh Pengerusi Puspanita MBPG, Puan Halimah binti Mohamed Rasip.





PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN

PADA 15 NOVEMBER 2020 bertempat di Bilik Mawar Aras 20, 'Pertandingan Tilawah Al-Quran Peringkat Majlis Perbandaran Pasir Gudang' (kini MBPG) telah berlangsung secara atas talian. Program ini diadili dengan oleh 3 orang pengadil luar yang berpengalaman. Pertandingan bermula sekitar pada pukul 2.30 petang. Seramai 10 orang terpilih ke peringkat akhir Tilawah Al-Quran Peringkat MBPG iaitu 5 orang peserta lelaki dan 5 orang peserta wanita.

Program ini adalah merupakan satu inisiatif jabatan dalam memakmurkan sambutan Maulidur Rasul 1442H. Program julung kalinya diadakan bagi meraikan Hari Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W oleh pihak MBPG. Antara objektif penganjurannya ialah meningkatkan pemahaman dalam pembacaan Al-Quran, memupuk sikap cinta dan membaca Al-Quran serta menjadikan Al-Quran sebagai panduan dan Sunnah sejajar dengan amalan kehidupan Nabi Muhammad S.A.W. Program ini mematuhi saranan Kerajaan Persekutuan dan dianjurkan secara atas talian kepada peserta.

Majlis penyampaian hadiah diadakan secara ringkas dan tertutup. Majlis ini telah disempurnakan oleh Puan Rahamah binti Mahmood selaku Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat bersama dengan Ketua Bahagian Pembangunan Sosial, Puan Faridah binti Abd Hamid.

Berikut merupakan senarai pemenang :



Puan Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat bergambar bersama pemenang pertandingan.

SUMBANGAN PERAYAAN HARI DEEPAVALI 2020

TARIKH : 8 NOVEMBER 2020
MASA : 10.00 PAGI
TEMPAT : PEJABAT UMNO BAHAGIAN PASIR GUDANG,
 PASIR GUDANG

Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan dengan konsep penghantaran 'door to door' oleh Tuan Hj Baharudin bin Mohd Taib, Ketua Whip Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Sumbangan ini turut disampaikan oleh Encik Ed Baela bin Muhalajah dan En Nazri bin Tangis, Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Pasir Gudang.

200 orang penerima mendapat manfaat daripada siri sumbangan sempena perayaan Deepavali tahun ini. Pada kali ini tiada acara berkumpul disebabkan arahan PKPB yang dilaksanakan.



KEJOHANAN PIALA YAYASAN PASIR GUDANG E-SPORT PUBG MOBILE

TARIKH : 23 NOVEMBER - 4 DISEMBER 2020
MASA : 9.30 - 11.30 MALAM
TEMPAT : LIVE STREAMING FACEBOOK FANPAGE

Program ini merupakan program *E-Sport* kedua selepas penganjuran Program Mobile Legend Piala Yayasan Pasir Gudang yang dianjurkan pada bulan Ogos yang lalu. Penganjuran kali ini menarik penyertaan seramai 140 pasukan melibatkan 640 pemain yang dijalankan secara 'play from home' dan disiarkan secara langsung untuk tontonan umum di Facebook Yayasan Pasir Gudang.

Pemenang utama Kejohanan Piala Yayasan Pasir Gudang PUBG berikut:

Johan	: MYSTERY
Naib Johan	: RMC INVADERS
Ketiga	: THE VIKING GANK
Keempat	: ATY ESPORTS MY



SUMBANGAN PERAYAAN HARI KRISMAS 2020

TARIKH : 18 - 24 DISEMBER 2020

Penyerahan sumbangan tersebut telah disampaikan dalam 5 siri penyampaian sumbangan sebagaimana berikut:

Siri Sumbangan	Tarikh	Lokasi	VIP
Siri 1	18 Dis 2021	Pejabat UMNO Bahagian Pasir Gudang Bandar Seri Alam	Datuk Seri Mohamed Khaled bin Nordin <i>Pengerusi Yayasan Pasir Gudang</i>
Siri 2	20 Dis 2021	Dewan Terbuka Jalan Gelam, Taman Rinting	Tuan Haji Baharudin bin Mohamed Taib <i>Ketua WHIP Ahli Majlis, MBPG</i>
Siri 3	21 Dis 2021	Dewan Terbuka Jalan Kijang, Taman Rinting	Tuan Asman Shah bin Abd Rahman <i>Datuk Bandar MBPG</i>
Siri 4	22 Dis 2021	Dewan terbuka Jalan Tembikai, Taman Kota Masai	Datuk Haji Maulizan bin Bujang <i>Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPG</i>
Siri 5	23 Dis 2021	Dewan Terbuka Jalan Ciku	Datuk Haji Maulizan bin Bujang <i>Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPG</i>

200 orang penerima bumiputera Sabah dan Sarawak mendapat manfaat daripada sumbangan sempena perayaan Hari Krismas tahun ini. Pada kali ini penyampaian diadakan dalam kumpulan skala kecil. Yayasan Pasir Gudang berharap dengan bantuan tersebut, perayaan Hari Krismas tahun ini dapat diraikan dalam keadaan yang sederhana untuk mereka.

Setiap penerima menerima sumbangan berbentuk barangan keperluan asas bernilai RM100.00 dan sumbangan wang tunai bernilai RM100.00 sumbangan Yayasan Pasir Gudang.



PROJEK TRANSFORMASI EKONOMI RAKYAT (ERA)

TARIKH : 25 DISEMBER 2020

MASA : 10.00 PAGI - 4.00 PETANG

TEMPAT : BALAI KOMUNITI AMANPURI, TAMAN SCIENTEX

Projek ERA Wanita Niaga ini merupakan inisiatif yang dilakukan oleh Yayasan Pasir Gudang dalam membantu menyediakan idea dan kemahiran yang boleh meningkatkan ekonomi dan pendapatan keluarga. Program ini dirancang khas untuk wanita sama ada mereka dari kumpulan anak muda, suri rumah ataupun ibu tunggal. Program ini memberi kemahiran jangka pendek dan sesuai dilaksanakan di rumah dengan kos yang sederhana serta memperoleh hasil pendapatan pulangan modal dan keuntungan segera.





LAMAN INFO

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Pertandingan



FOTOGRAFI & VIDEO PENDEK

PELANCONGAN PASIR GUDANG 2020

KATEGORI TERBUKA DEWASA
(INDIVIDU @ BERKUMPULAN)

KATEGORI TERBUKA AMATUR
(13 -17 TAHUN)

TEMA PERTANDINGAN

Alam semulajadi, Landskap, Flora & Fauna, Produk Pasir Gudang, Makanan Menarik, Tempat-tempat Menarik & Gaya Hidup (*lifestyle*)

PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN



SYARAT PERTANDINGAN

SECARA TERPERINCI BOLEH DIPEROLEHI DI LINK PENDAFTARAN

SEBARANG PERTANYAAN,

SILA HUBUNGI PN.MIRA/ EN.AZLIE DITALIAN : 07-254 7735/85, BAHAGIAN SOSIAL, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, MPPG

<https://forms.gle/YhuaK1eymh6fv3r17>

PENDAFTARAN ADALAH **PERCUMA**

HADIAH KESELURUHAN BERNILAI **RM 15,200.00**

TARIKH TUTUP **15 DISEMBER 2020**



SALURAN ADUAN MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



TELEFON

07-254 7777



FAKS

07-251 5260



EMEL

mbpg@johor.gov.my



SKUAD TINJAU

013-377 1710

APLIKASI MUDAH ALIH DARIPADA KPKT



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Bandaraya Pasir Gudang & Datuk Bandar Pasir Gudang